

# Othman Saat tak jejas, terus MB?

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dikatakan telah memberi 'lampu hijau' kepada Tan Sri Haji Othman Saat untuk terus menjadi Menteri Besar Johor dan memimpin UMNO negeri itu sekurang-kurangnya sehingga pilihanraya akan datang.

Tan Sri Othman juga akan dilantik menjadi anggota Majlis Tertinggi UMNO bagi menguatkan kedudukan politik beliau.

Selaku Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir merangkap Perdana Menteri selepas 16 Julai nanti boleh melantik tujuh orang menjadi anggota Majlis Tertinggi UMNO.

Sumber-sumber yang rapat dengan Kerajaan dan Parti memberitahu, Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam selaku Timbalan Presiden UMNO pula sedang cuba meredakan pergolakan politik Johor.

"Datuk Musa memandang berat pergolakan yang berlaku dalam UMNO Johor dan beliau sedang cuba untuk meredakan keadaan tersebut," kata sumber tersebut.

Sebahagian ahli-ahli UMNO negeri menentang Tan Sri Othman berikutan dengan beberapa isu tertentu.

Sumber itu berkata, Datuk Musa tidak mahu melihat kekecohan berlaku di negerinya sendiri.

Beliau berpendapat, jika ada pun peralihan pucuk pimpinan negeri ia hendaklah dilakukan dengan baik dan teratur.

Selain dari masalah Menteri Besar, Datuk Musa juga difahamkan sedang berusaha menyelesaikan undi tidak percaya yang dihadapi oleh Ketua Pemuda UMNO Negeri itu, Datuk Abdul Rahman Sabri.

Usul tersebut telah dibawa oleh Pemuda UMNO Bahagian Sri Gading.

"Rundingan sedang dijalankan di antara mereka yang terlibat dan keadaan itu pasti dapat diredakan," kata sumber tersebut.

Kedua pihak dipercayai akan menerima nasihat Datuk Musa dan bersedia berkompromi.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia